

# PANGLIMA TENTERA UDARA DI AKTIVITI PRESS WALKABOUT DSA 2018 DAN NATSEC 2018

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3334-panglima-tentera-udara-di-aktiviti-press-walkabout-dsa-2018-dan-natsec-2018](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3334-panglima-tentera-udara-di-aktiviti-press-walkabout-dsa-2018-dan-natsec-2018)

KUALA LUMPUR, 15 Apr 18 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah turut serta dalam *Press Walkabout* di Defence Services Asia 2018 (DSA 2018) dan National Security Asia 2018 (NATSEC ASIA 2018) yang diketuai oleh Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor yang berlangsung pada pukul 2 petang hari ini. *Press Walkabout* ini bertujuan untuk melihat sendiri persiapan akhir booth pameran yang akan bermula 16 Apr 18 dan berakhir pada 19 Apr 18. DSA 2018 dan NATSEC 2018 ini merupakan anjuran bersama diantara pihak penganjur DSA dan Kementerian Dalam Negeri. Dikesempatan ini Panglima Angkatan Tentera dan delegasi tidak melepaskan peluang untuk berkunjung ke booth TUDM. Turut hadir di program ini adalah Panglima-panglima Perkhidmatan dan Pegawai-pegawai Kanan ATM.



